

Peluang Kerja Sambilan

Perkhemahan Cuti Sekolah PERMATApintar 2009

JAWATAN:

- | | |
|----------------------|-------------------------|
| 1. PENGAJAR | (Instructor) |
| 2. PEMBANTU PENGAJAR | (Teaching Assistant) |
| 3. PEMBANTU ASRAMA | (Residential Assistant) |

JENIS KERJAYA: Kontrak

KEMUDAHAN: Elaun, kemudahan penginapan

TEMPOH BERTUGAS: **15 Nov 2009 – 15 Dis 2009 (1 bulan)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: **30 SEPTEMBER 2009**

JIKA BERMINAT HUBUNGI KAMI: **Sila hantar resume-CV**

PERMATApintar Negara
Fakulti Pendidikan
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 Bangi, Selangor DE.
Tel: 603-89216642
Faks:603-89216642
Email:
permatapintar@ukm.my
norwmu@hotmail.com
sfmy@ukm.my
rosadah@ukm.my

Program Perkhemahan masa Cuti Sekolah-PPCS (Adaptasi dari Center for Talented Youth (CTY) – John Hopkins University)

Pelajar PCB yang berumur diantara 9 hingga 15 tahun yang dikenal pasti pintar cerdas berbakat akan mengikuti program perkhemahan musim cuti sekolah. Ia mengandungi komponen pengayaan kurikulum seperti yang dilaksanakan di Center for Talented Youth (CTY) – John Hopkins University. Pengayaan Kurikulum memberi ruang kepada pelajar untuk mempelajari aspek-aspek berkaitan dengan sesuatu bidang ilmu secara lebih mendalam dalam konteks yang berbeza dari persekitaran di sekolah.

Perkhemahan ini akan dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) oleh fasilitator yang dipilih oleh Jawatankuasa Program Pintar Cerdas Berbakat UKM. Mereka boleh terdiri daripada ahli profesional dalam bidang yang ditawarkan, pensyarah, guru, pelajar UKM di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah.

Pelajar diberi peluang untuk memilih dua mata pelajaran dalam mana-mana bidang sama ada matematik, sains atau penulisan kreatif. Pemilihan tersebut bergantung kepada Ujian PERMATApintar UKM 1 dan Ujian PERMATApintar UKM 2 yang telah diduduki.

Tiga mata pelajaran akan diajar semasa di perkhemahan tersebut iaitu:

- a) Sains
- b) Matematik
- c) Penulisan Kreatif

Perlaksanaan program PPCS dicadangkan untuk dua kategori peringkat umur iaitu:

- a) Kategori sekolah rendah dalam peringkat umur 9 hingga 12 tahun -seramai 200 orang (berlandaskan perkadaran 1 dalam 100,000). Pelajar-pelajar ini akan dibahagikan kepada 20 kumpulan ia itu seramai 10 orang bagi setiap kumpulan.
- b) Kategori sekolah menengah rendah untuk peringkat umur 13 hingga 15 tahun - seramai 200 orang. Pelajar-pelajar ini akan dibahagikan kepada 20 kumpulan ia itu seramai 10 orang bagi setiap kumpulan.

JADUAL 3: PILIHAN MATA PELAJARAN UNTUK PROGRAM MASA CUTI SEKOLAH -PPCS

Sains	Matematik	Penulisan Kreatif
<ul style="list-style-type: none">• Menjadi Saintis Be Scientist• Genetik• Biologi	<ul style="list-style-type: none">• Penaakulan Matematik (Mantik) <i>Mathematics Reasoning</i>• Pengenalan kepada Robotik• <i>Cryptology</i>	<ul style="list-style-type: none">• Penulisan dan Imaginasi <i>Writing and imagination</i>• Membina Karangan <i>Crafting the Essay</i>

Kriteria Pengajar (Instructor)

- Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda
- Mempunyai pengalaman industri
- Fasih dalam BM dan BI
- Mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik dalam BM dan BI
- Mempunyai pengetahuan dalam bidang yang ingin diajar; misalnya Robotik, Creative Writing, Bio-Tech, d.l.l.
- Berminat untuk mengajar kanak-kanak berumur 9 – 15 tahun
- Boleh menerima cabaran dari murid-murid pintar
- Kreatif, kritis dan komited
- Bersedia untuk menginap di asrama untuk 3 minggu
- Individu yang mempunyai pengetahuan, sijil, kelayakan, pengalaman industri dalam bidang berkaitan adalah dialu-alukan untuk memohon.

Kriteria TA (Teaching Assistant)

- Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda
- Fasih dalam BM dan BI
- Mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik dalam BM dan BI
- Mempunyai pengetahuan dalam bidang yang ingin diajar; misalnya Robotik, Creative Writing, Bio-Tech, d.l.l.
- Berminat untuk mengajar kanak-kanak berumur 9 – 15 tahun
- Boleh menerima cabaran dari murid-murid pintar
- Kreatif, kritis dan komited
- Bersedia untuk menginap di asrama untuk 3 minggu
- Individu yang mempunyai pengalaman menjalankan penyelidikan dalam bidang berkaitan dialu-alukan untuk memohon

Kriteria RA (Residential Assistant)

- Pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda
- Berminat untuk mengajar kanak-kanak berumur 9 – 15 tahun
- Boleh menerima cabaran dari murid-murid pintar
- Kreatif, kritis dan komited
- Bersedia untuk menginap di asrama selama 3 minggu